

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
APM AUTOMOTIVE HOLDINGS BERHAD  
SERI KEMBANGAN  
SELANGOR

DISEDIAKAN OLEH :

NOOR AZWANIE BINTI MOHD NASIR  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
( PEMASARAN )

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA  
JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA  
( USM )

1:2682

Perpustakaan  
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)  
EE

1100039355

LI 45 FPE 4 2005



1100039355

Laporan akhir latihan industri di APM Automotive Holdings Berhad, Seri Kembangan Selangor / Noor Azwanie Mohd Nasir.



**PERPUSTAKAAN**  
**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA**  
**21030 KUALA TERENGGANU**

1100039355

21030 KUALA TERENGGANU

Lihat sebelah

HAK MILIK  
PERPUSTAKAAN KUSTEM

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
APM AUTOMOTIVE HOLDINGS BERHAD  
SERI KEMBANGAN  
SELANGOR**

Oleh :

**NOOR AZWANIE BINTI MOHD NASIR  
Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Pengurusan Dan Pemasaran  
**Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi**  
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia  
**(KUSTEM)**

**2005**

**1100039355**

### **Pengesahan Keaslian Laporan**

Dengan ini saya, Noor Azwanie binti Mohd Nasir, no. Matrik UK8540

mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan



Nama : Noor Azwanie binti Mohd Nasir  
Tarikh : 14 November 2005

Disahkan Oleh:



Penyelia KUSTEM  
b/p Pengurus Latihan Industri  
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi  
KUSTEM

## PENGHARGAAN

Bersyukur saya ke hadrat llahi kerana dengan keizinan dan limpah kurniaNya, saya berjaya menyiapkan dan melengkapkan laporan latihan industri. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih di atas bantuan dan sokongan daripada semua pihak yang telah memberi kerjasama dalam menjayakan laporan ini.

Ucapan penghargaan ini juga saya tujuhan khas dan teristimewa buat pensyarah saya, Encik Semanat bin Abu Bakar selaku penyelia latihan industri di Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia yang banyak memberi garis panduan serta tunjuk ajar yang profesional dalam menyiapkan laporan ini. Terima kasih tak terhingga kerana sentiasa bersedia untuk membantu apabila diperlukan.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Encik James Tan, selaku Pengurus Sumber Manusia yang merangkap penyelia industri kerana telah sudi memberi kerjasama, tunjuk ajar serta sedikit ilmu pengetahuan sepanjang saya menjalani latihan praktikal di APM Automotive Holdings Berhad.

Tidak lupa juga kepada staf-staf di APM Air-Conditioners Sdn Bhd khususnya dari Jabatan Sumber Manusia, rakan-rakan seperjuangan, serta kedua ibu bapa saya yang telah banyak membantu serta memberi perangsang kepada saya selama ini. Semoga ia memberi sejuta manfaat dan kebaikan kepada semua pihak yang terlibat.

## **SELAYANG PANDANG.....**

Segala Puji-pujian bagi Allah s.w.t Pencipta Alam Semesta, selawat serta salam buat junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w, kaum keluarga dan sahabat baginda.....

Jutaan terima kasih kepada ayahanda serta bonda tersayang kerana dengan doa kalian, laporan ini dapat disiapkan dengan sebaik-baiknya.....

Jutaan terima kasih juga kepada pensyarah-pensyarah dan penasihat latihan industri yang terlibat dalam menghasilkan laporan ini sehingga laporan ini dapat disiapkan dengan jayanya.....

Khas buat teman-teman yang tersayang, terima kasih di atas dorongan serta sokongan dari kalian semua.....

Akhir kata, yang baik itu datangnya dari Allah s.w.t manakala yang buruk itu datangnya dari kelemahan saya sendiri.

Sekian terima kasih

wassalam

## SENARAI ISI KANDUNGAN

Mukasurat

Senarai Jadual

Senarai Rajah

Ringkasan Eksekutif

### BAB 1 LATAR BELAKANG ORGANISASI

1.1	Sejarah Ringkas Organisasi	1
1.1.1	APM Air-Conditioners Sdn Bhd, Seri Kembangan, Selangor	3
1.1.2	Logo Organisasi	5
1.1.3	Matlamat Organisasi	6
1.1.4	Visi Organisasi	6
1.1.5	Bahagian-bahagian dalam Organisasi	7
1.1.6	Pesaing-pesaing Organisasi	10
1.1.7	Orientasi Pemasaran	11
1.1.8	Pelanggan-pelanggan Organisasi	17
1.2	Maklumat Organisasi	20
1.3	Carta Organisasi	21
1.3.1	Unit / Jabatan	22
1.4	Aktiviti Organisasi	23
1.5	Kemahiran yang ingin dipelajari	27

## **BAB 2 PENGENALPASTIAN MASALAH**

2.1	Sistem Membilkan Makanan ( <i>Meal Billing System</i> )	28
2.1.1	Sistem Sedia Ada	28
2.1.2	Mengenalpasti Masalah	30
2.1.3	Rumusan Analisis dan Perbincangan	31
2.1.4	Cadangan Penyelesaian	32
2.1.5	Pelaksanaaan Cadangan dan Implikasi	32
2.2	Sistem Kawalan Kehadiran Kakitangan	35
2.2.1	Sistem Sedia Ada	35
2.2.2	Mengenalpasti Masalah	36
2.2.3	Rumusan Analisis dan Perbincangan	37
2.2.4	Cadangan Penyelesaian	39
2.2.5	Pelaksanaan Cadangan dan Implikasi	40
2.3	Sistem Permohonan Cuti	41
2.3.1	Sistem Sedia Ada	41
2.3.2	Mengenalpasti Masalah	43
2.3.3	Rumusan Analisis dan Perbincangan	43
2.3.4	Cadangan Penyelesaian	44
2.3.5	Pelaksanaan Cadangan dan Implikasi	45

## **BAB 3 PENUTUP**

3.1 Kesimpulan

46

RUJUKAN

LAMPIRAN

## **SENARAI JADUAL**

### **Mukasurat**

Jadual 1 Kapasiti Pengeluaran bagi APM Air-Conditioners	5
Jadual 2 Pelanggan-pelanggan komponen di bahagian <i>suspension</i>	17
Jadual 3 Pelanggan-pelanggan komponen di bahagian <i>electrical &amp; heat exchange</i>	18
Jadual 4 Pelanggan-pelanggan komponen di bahagian <i>interior &amp; plastics</i>	19

## **SENARAI RAJAH**

### **Mukasurat**

Gambarajah 1 Pelancaran <i>Automated Robotic Parabolic Line</i> yang ke_2	3
Gambarajah 2 Logo APM Automotive Holdings Berhad	5
Gambarajah 3 Komponen yang dihasilkan di bahagian <i>suspension</i>	8
Gambarajah 4 Komponen yang dihasilkan di bahagian <i>electrical &amp; heat exchange</i>	9
Gambarajah 5 Komponen yang dihasilkan di bahagian <i>interior &amp; plastics</i>	9
Gambarajah 6 Uji kaji terhadap perlaksanaan komponen	24
Gambarajah 7 Sijil-sijil kualiti dan pengiktirafan yang diterima oleh APM	25
Gambarajah 8 Mesin-mesin yang digunakan di kilang APM	26
Gambarajah 9 Carta Alir Sistem Membilkan Makanan	30
Gambarajah 10 Carta Alir Sistem Kawalan Kehadiran Kakitangan	36
Gambarajah 11 Carta Alir Sistem Permohonan Cuti	42

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Sebagai pelajar di bawah program Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran), Fakulti Pengurusan dan Ekonomi telah diwajibkan menjalani Latihan Industri selama tiga bulan dan pelatih telah memilih organisasi APM Automotive Holdings Berhad, Seri Kembangan, Selangor sebagai tempat untuk menjalani Latihan Industri tersebut. APM Automotive Holdings Berhad merupakan sebuah organisasi swasta yang ditubuhkan sebagai sebuah syarikat industri yang menghasilkan komponen-komponen yang diperlukan oleh industri permotoran.

Sepanjang menjalani Latihan Industri ini, pelatih didedahkan kepada beberapa pendekatan supaya segala tugas yang diberikan dapat dilakukan dengan cekap dan berkesan. Salah satu pendekatan yang didedahkan ialah pelatih diberi taklimat dan kefahaman mengenai tugas dan tanggungjawab berkenaan sesuatu bidang kerja. Pelatih diberi kepercayaan dalam melaksanakan tugas-tugas yang diberi. Daripada tugasan yang dijalankan, pelatih telah mendapat pelbagai maklumat dan ilmu pengetahuan berkenaan suasana bekerja yang sebenar. Semasa menjalani Latihan Industri ini juga, pelatih telah melihat beberapa sistem sedia ada yang terdapat dalam pengurusan organisasi. Antara sistem yang dikenalpasti ialah Sistem Membilkan Makanan (*Meal Billing System*), Sistem Kawalan Kehadiran Kakitangan, dan Sistem Permohonan Cuti. Pelatih telah mengenalpasti beberapa kekurangan yang kadang-kala timbul di dalam organisasi yang berkaitan dengan penggunaan sistem sedia ada yang telah diguna pakai oleh pihak pengurusan. Pelatih juga telah memberikan beberapa cadangan penyelesaian yang mana mungkin dapat digunakan oleh pihak organisasi bagi menyelesaikan masalah yang timbul seterusnya meningkatkan lagi corak sistem pengurusan dan membolehkan aktiviti berjalan dengan lebih lancar lagi bagi mewujudkan sebuah pengurusan yang lebih dinamik dan sistematik.